

Belanjawan bakal beri keselesaian

UM 2 1 OCT 2001

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam, menerima reaksi daripada pelbagai pihak yang rata-ratanya menyifatkan belanjawan kali ini bakal memberi keselesaian kepada rakyat.

Walaupun tumpuan kerajaan ialah bagi mencetus pertumbuhan ekonomi ekoran kemelesetan ekonomi dunia, kebanyakan mereka berpendapat belanjawan kali ini akan memberi pelbagai kesan terhadap rakyat.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, **S.M. Mohamed Idris** berkata, pihaknya menyambut baik langkah kerajaan menaikkan duti import dan eksais rokok kepada RM216 dan RM48 sekilogram.

“Bagaimanapun kenaikan harga pasaran rokok yang dijangka sebanyak 5 peratus daripada harga sekarang, masih tidak berkesan untuk mengurangkan amalan merokok di kalangan rakyat, terutamanya generasi muda,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar harga pasaran rokok dinaikkan kepada RM8 sekotak bagi menyahut seruan kerajaan menggalakkan rakyat supaya meninggalkan tabiat merokok.

Beliau berkata, kenaikan harga rokok akan menggalakkan aktiviti penyeludupan yang walaupun cuba dibendung dengan penguatkuasaan pihak berkuasa, tindakan yang lebih tegas perlu diambil antaranya meningkatkan jumlah denda serta penjara hukuman mandatori kepada pengedar terbabit.

Katanya, begitu juga dengan cukai terhadap arak yang tidak disentuh dalam belanjawan kali ini sedangkan ia merupakan satu penyebab kepada keruntuhan sistem sosial di negara ini.

Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda PPP Malaysia, **Inder Singh** berkata, belanjawan kali ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi yang tinggi selain Malaysia akan menjadi negara yang berjaya mengelak daripada terlibat dengan serpihan kemelesetan ekonomi serantau.

“Malaysia masih mampu membentangi belanjawan rakyat yang memberi penurunan cukai, kenaikan gaji serta bonus kepada kakitangan awam, selain belanjawan yang banyak untuk keselesaian pertumbuhan ekonomi negara,” kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Sementara itu, Dewan Perdagangan, Amerika-Malaysia (Amcham) dalam kenyataannya berkata, Belanjawan 2002 menyaksikan tindakan berhati-hati kerajaan untuk mengimbangi ekonomi serantau dalam jangka masa terdekat dan panjang.

Pengeluaran

“Belanjawan ini akan menggalakkan pertumbuhan dalam perkhidmatan industri dalam menyumbangkan peratus hasil pengeluaran yang lebih besar,” ujarnya.

Dalam perkembangan yang sama, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), **Datuk Dr. N. Athimulam** berkata, belanjawan kali ini memberi kesan yang positif dalam pembangunan sektor kesihatan negara, tanpa mengambil kira taraf hidup masyarakat.

“Langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM202 juta bagi membina 283 klinik kesihatan di seluruh negara disambut baik,” ujar beliau.

Katanya, langkah ini mampu meningkatkan tahap kesihatan baik di seluruh negara.